

07 JAN 2002

MAHATHIR-GLOBALISASI/I

M'SIA PERLU BERSEDIA HADAPI GLOBALISASI

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan Malaysia perlu bersedia menghadapi globalisasi walaupun jika pada dasarnya negara menentang globalisasi.

"Sekiranya kita boleh mentadbir negara dengan lebih baik berbanding sekarang, kita mampu bertahan dengan semua serangan yang ditujukan kepada kita," katanya dalam ucapannya di Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ketiga di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), di sini.

Dalam ucapannya beliau berkata, strategi bagi menghadapi cabaran globalisasi adalah dengan memastikan upah tidak terlalu tinggi dan barangan diletakkan pada harga yang kompetitif bagi pasaran dunia.

Dengan kata lain, idea itu adalah untuk mengekalkan kos barangan dan bahan mentah yang rendah dan membayar upah yang adil dan berpatutan kerana tidak berguna mendapat upah tinggi tetapi terpaksa membayar harga tinggi bagi barangan dan perkhidmatan.

Dr Mahathir berkata penting bagi Malaysia untuk memahami strategi ini sekiranya negara mahu kekal bersaing dalam era globalisasi ini.

Di era ini, katanya, Malaysia tidak akan mempunyai waktu yang mudah di masa depan berikutan persaingan sengit di mana seseorang itu boleh hanya menjadi sekadar pengguna semata-mata kepada barangan orang lain.

Beliau berkata globalisasi adalah terpilih, terhad hanya kepada pergerakan wang, modal dan barangan - tetapi bukan orang - masuk dan keluar dari negara.

Oleh kerana Malaysia adalah sebuah negara membangun, ia tidak berada di kedudukan yang sama dengan negara-negara maju yang lain: atas alasan itu ia perlu mempunyai mekanisme pertahanan.

Terdapat dua cara Malaysia boleh memilih untuk mengendalikan situasi itu: ia boleh mempengaruhi dunia untuk mengubah penafsiran globalisasi agar negara mampu mempertahankan dirinya sendiri, atau ia boleh memajukan kapasitinya sendiri untuk bersaing dalam perdagangan dan industri.

Setakat ini, katanya, Malaysia sudah cukup bersedia untuk menghadapi globalisasi kerana ia mempunyai strategi berbeza dan memberi penekanan untuk meningkatkan kuasa beli dan bukan pendapatan orang yang menerima upah.

"Menggunakan kayu pengukur persamaan kuasa beli (PPP) bagi tujuan perbandingan, satu ringgit di Malaysia mempunyai kuasa beli yang sama dengan satu dolar Amerika di AS," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, banyak pihak yang tidak gembira dengan hakikat bahawa Malaysia berjaya mengelakkan serangan ke atas ekonominya.

Satu contoh adalah serangan ke atas mata wang Malaysia sebelum ini sehingga RM4.80 bagi satu dolar Amerika tetapi kerajaan berjaya mempertahankannya dan menamatkan ringgit pada RM3.80.

Ketika import menjadi agak mahal sedikit pada peringkat ini, beliau berkata, eksport Malaysia akan lebih murah pada standard dunia.

Bagaimanapun, katanya, cubaan untuk melemahkan ekonomi negara akan berterusan dan beberapa pihak akan cuba menyerang Ringgit dan mahu melihat ia turun nilai kerana mata wang negara jiran lain kini rendah.

Cubaan lain termasuklah menggambarkan seolah-olah negara ini penuh dengan pengganas; ini akan membantutkan hasrat pelancong untuk datang ke Malaysia dan ianya sekaligus menjejaskan industri pelancongan Malaysia.

"Bagaimanapun, kita masih boleh melawan balik kerana keupayaan kita untuk mentadbir negara dengan baik," katanya, sambil menasihatkan

pentadbiran memahami strategi yang digunakan oleh kerajaan agar ia boleh dilaksanakan dengan berkesan.

"Kita adalah sebuah negara merdeka dan kita tidak mahu diperintah oleh orang lain," ujarnya. -- BERNAMA

SHO SEL ZK